

## MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN & PERSIJILAN BIL 1/2017

RUJUKAN	MINIT MESYUARAT/PERKARA	TINDAKAN	STATUS KEMAJUAN/KEPUTUSAN
1.3	Pengerusi menyarankan agar pihak ILJTM mengambil inisiatif untuk membawa pengalaman industri ke institut memandangkan pendedahan Latihan Industri telah ditangguhkan pelaksanaannya.	Semua P (ILJTM)	<p>Telah diambil tindakan.</p> <p>Berbagai program dan aktiviti dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan pengalaman industri, antaranya lawatan ke industri berkenaan, ceramah dan taklimat dari pihak industri dan juga pameran-pameran dari pihak industri diberi terutamanya kepada pelajar-pelajar tahun akhir.</p>
3.3	P (ILP Miri) memaklumkan <b>permohonan pentaulahan program Tahap 4 Teknologi Telekomunikasi di ILP Miri telah ditolak kerana WIM tidak lengkap.</b> Pengerusi menyarankan BKT membantu ILP Miri berkaitan isu ini.	P (KT)	<p>Selesai. Pentaulahan bermula 28 Mac 2017 hingga 27 Mac 2020</p>
3.6	Pengerusi meminta P (ADTEC Melaka) dan P (ADTEC Batu Pahat) mendapatkan maklumbalas tindakan susulan daripada pihak CISCO berkenaan kertas kerja MoU yang telah dihantar sebelum ini.	P (ADTEC Melaka) dan P (ADTEC Batu Pahat)	<p>Pihak CISCO International telah membatalkan MoU kerana telah luput tempoh.</p>

5.2	Pengerusi memaklumkan perlu ada <b>tindakan daripada maklum balas pengajar dan pelajar seperti yang dilaporkan di dalam Laporan Verifikasi Pegawai Naziran.</b>	Semua P (ILJTM) berkenaan	<p>Telah diambil tindakan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengeluarkan memo peringatan kepada pengajar bagi isu-isu yang berkaitan.</li> <li>ii. Membincangkan teguran naziran dalam Mesyuarat Pengurusan Latihan untuk penambahbaikan latihan.</li> <li>iii. Membuat penambahbaikan berdasarkan peruntukan yang ada.</li> </ul>
6.2	Mesyuarat bersetuju dengan cadangan supaya <b>proses Visual Inspection</b> dilaksanakan bersama pengajar bengkel supaya pengajar boleh belajar dan buat penambahbaikan semasa pelaksanaan latihan.	P (ILJTM) dan CoSE Kimpalan	<p>Diambil maklum dan tindakan telah dibuat</p> <p>Pemeriksa Kimpalan (WI) telah diminta untuk memberi taklimat kepada pengajar bengkel berkaitan kaedah pemeriksaan dan pemarkahan untuk proses ujian kelayakan Jurukimpal (WQT) yg dijalankan.</p> <p>Pemeriksaan visual turut dijalankan bersama-sama pengajar bengkel.</p>
6.8	Mesyuarat <u>dimaklumkan CoSE bagi bidang Teknologi Automotif akan dipengerusikan oleh Tuan Haji Mohd Abd. Fatah bin Mohd Ramly. Pihak ibu pejabat diminta untuk mengeluarkan surat lantikan tersebut.</u>	P (KT)	Surat lantikan sebagai pengerusi CoSE bagi bidang Teknologi Automotif telah dikeluarkan kepada pengarah ADTEC Melaka.

6.11	<p>Pengerusi menyarankan agar <b>soalan penilaian bagi Peperiksaan Akhir Amali Kursus Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara diselaraskan agar standard pencapaian pelajar dapat diseragamkan.</b></p>	P (ILJTM)	<p>Semua soalan amali bagi tahun 2017 dibangunkan berdasarkan bahan guna habis yang ada di institut. Institut mencadangkan Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara membuat penyelarasan bagi pembangunan soalan penilaian peperiksaan akhir secara berpusat. Semua soalan amali yang dibangunkan oleh pihak institut perlu dikumpulkan dan jawatankuasa Kepakaran akan memilih soalan yang sesuai dan mengarahkan insitut yang terlibat mencetak soalan tersebut.</p>
6.14	<p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa pelaksanaan peperiksaan akhir sehingga kini terpaksa dibuat pada dua minggu berbeza untuk penilaian JTM/JPK dan penilaian ST kerana majority institut yang masih menawarkan program Teknologi Elektrik dengan persijilan kekompetenan PW2. <b>Pengerusi menyarankan agar ILJTM yang masih menawarkan persijilan kekompetenan PW2 untuk menawarkan persijilan kekompetenan PW4. Pindaan persijilan ini lebih menjimatkan kerana peperiksaan teori dan amali untuk persijilan JPK, JTM &amp; ST dapat dilaksanakan dalam minggu yang sama.</b></p>	P (ILJTM) berkenaan dan Urusetia Jawatankuasa Kepakaran Elektrik	<p>Memo arahan telah dikeluarkan kepada semua ILP yang menjalankan kursus Teknologi Elektrik supaya menawarkan kursus Teknologi Elektik dengan persijilan kekompetenan PW4.</p> <p>ILPPG telah melaksanakan penawaran persijilan kekompetenan PW4, manakala peperiksaan penilaian JPK/JTM dan penilaian ST telah dilaksanakan pada minggu yang sama bermula sesi 1/2017 – <b>ILP PG</b></p> <p>Diambil maklum dan tindakan telah dibuat. Pihak ST telah membuat audit pentaulahan bagi program PW4 sepenuh masa. Sedang menunggu pentaulahan rasmi daripada ST untuk pengambilan Sesi 1/2018. – <b>ILP JITRA</b></p> <p>Masih mengekalkan PW2 kerana kelayakkan masuk untuk program PW4 (direct) adalah lebih tinggi. – <b>ILP MIRI</b></p> <p>Sesi 2/2017 ILPKT membuat pengambilan seramai 59 orang pelajar. Seramai 30 pelajar ditawarkan PW4 kerana</p>

			<p>kuota yang diluluskan adalah 30 orang. Manakala 29 orang pelajar lagi terpaksa ditawarkan PW2. – <b>ILP KT</b></p> <p>ILP Labuan telah menghantar borang permohonan pentauliahan PW4 sepenuh masa pada 11 Ogos 2017 ke Ibu Pejabat JTM untuk persediaan kemasukan pelajar PW4 pada sesi 1/2018. – <b>ILP LABUAN</b></p>
6.15	<p>Pengerusi menyarankan agar <b>pengeluaran sijil kekompetenan ST dipercepatkan</b>. Urusetia memaklumkan bahawa pengeluaran sijil adalah mengikut agensi/jabatan dan bukan mengikut institut. Sehubungan itu, kerjasama semua ILJTM yang berkenaan dimohon untuk memastikan pengisian borang dan masukan data secara online dibuat dalam masa yang ditetapkan.</p>	P (ILJTM) berkenaan	<p>Telah diambil tindakan. Semua institut terlibat mematuhi penjadualan yang ditetapkan oleh Ibu Pejabat.</p> <p><b>Status pengeluaran sijil bagi Sesi 2/2016 :</b> Sijil telah dikutip oleh urusetia ST ILJTM kecuali 4 institut (Labuan, Nibong Tebal, Kota Kinabalu dan Ipoh) kerana isu gambar tidak menepati spesifikasi pihak ST.</p> <p><b>Status pengeluaran sijil bagi Sesi 1/2017 :</b> Markah peperiksaan telah dimasukkan ke dalam system. Menunggu proses semakan dan cetakan sijil oleh pihak ST.</p>
7.2	<p>P (ADTEC Taiping) memaklumkan terdapat <b>seorang pelajar DTK yang tangguh latihan disebabkan oleh masalah kesihatan</b>. Pihak ADTEC Taiping memohon agar pelajar tersebut dipersijilkan DTP memandangkan pelajar tersebut tidak dapat menjalani Latihan Industri. Mesyuarat memutuskan agar perbincangan dibuat dengan pelajar tersebut untuk menjalani LI di institut</p>	P (ADTEC Taiping)	<p>Pelajar tersebut sedang menjalani LI pada sesi ini (2/2017) bg melengkapkan syarat graduasi DTK.</p>

	<b>memandangkan Sijil DTP tidak dapat dikeluarkan selagi syarat-syarat penilaian tidak dipenuhi.</b>		
8.3	Semua pengarah diminta memanjangkan maklumat mengenai penyediaan transkrip DKM kepada pelajar. Mana-mana pelajar peringkat diploma yang berminat untuk mendapatkan transkrip DKM boleh memohon kepada BKKL institut masing-masing.	P ( ILJTM)	<p>Telah diambil maklum ADTEC Batu Pahat telah pun melaksanakan penyediaan transkrip pelajar DKM berdasarkan permintaan. Hebahan kepada pelajar juga dibuat melalui laman web institute. – <b>ADTEC BP</b></p> <p>Program SKM T3 &amp; DKM – penyediaan transkrip sebelum Konvokesyen tetapi selepas MJPP (JTM) termasuk untuk program DC. – <b>ILP MIRI</b></p> <p>Institut mencadangkan pihak ibu pejabat menyediakan format standard dan garis panduan penyediaan transkrip DKM agar ianya selaras untuk semua ILJTM. – <b>ILP KL</b></p> <p>Telah memaklumkan kepada Bahagian berkenaan. - <b>ILPKT</b></p>
8.4	BKT akan membuat template khas berkenaan perincian markah kerja kursus untuk setiap modul bagi membantu pelajar mendapatkan transkrip ini.	P (KT)	Template akan diedarkan kepada semua ILJTM bermula sesi 2/2017.